

# Bahasa Tranformasi Modal Insan dalam Ucapan Najib Razak

Rohaidah Haron

## ABSTRAK

Makalah ini meninjau kandungan umum ucapan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib bin Abdul Razak. Kajian ini memanfaatkan ucapan Najib Razak dalam Perhimpunan Agung UMNO dari tahun 2004 hingga 2009 sebagai data kajian. Didapati dalam ucapan Najib Razak sentiasa terdapat metawacana peribahasa untuk memberi nasihat, teguran, dan peringatan terhadap kelemahan dan kepincangan yang berlaku dalam kalangan bangsa Melayu dan juga kepimpinan UMNO. Peribahasa dapat dikategorikan kepada tiga: (i) peribahasa ke arah perubahan sikap positif, (ii) peribahasa berkaitan sikap negatif Melayu, dan (iii) peribahasa sebagai motivasi diri.

Kata kunci: ucapan Najib Razak, sikap Orang Melayu, nasihat, teguran, ingatan.

## ABSTRACT

This paper analysis the contents of Malaysia Prime Minister, Datuk Seri Mohd Najib bin Abdul Razak's speeches. This paper utilizes Najib Razak's speeches in the UMNO General Meeting from 2004 to 2009 as its data. It is found that Najib Razak always gives advices, critics and reminds about the weaknesses of the Malay and UMNO's members through Malay proverbs. Those Malay proverbs are in three categories: (i) towards positive attitude, (ii) related to Malay's negative attitudes, and (iii) self-motivation.

Keywords: Najib Razak's speeches, Malay's attitudes, advices, critics, reminds.

## Pendahuluan

Kajian ini memanfaatkan wacana untuk mentafsir proses sosial yang berlaku dalam masyarakat, iaitu transformasi ke arah personaliti unggul modal insan. Wacana merupakan instrumen paling sesuai bagi meneliti dan menjelaskan proses transformasi melalui penggembengan linguistik seseorang pemimpin. Justeru, analisis wacana kritis dimanfaatkan untuk meneliti proses transformasi yang dihajatkan oleh Najib Razak dalam wacananya. Analisis wacana kritis berkeupayaan menangani proses sosial dalam wacana. Menurut Idris (2010), dalam wacana terselindung

atau tumpat proses atau praktis sosial tertentu dan proses sosial tersebut pula dapat dijelaskan melalui pendekatan analisis wacana yang sistematis, berpeda, dan kritis. Idris berpendapat, pendekatan tersebut memberi tambahan nilai kepada linguistik yang berusaha memerihalkan bahasa gunaan sebenar dan turut mempertalikan secara dialektikal penggunaan fitur teks dan sifat wacana berkenaan dengan domain lain di luar linguistik, dan bukan sekadar memerihalkan bahasa secara telus. Berdasarkan kelebihan tersebut, sudah tentu proses transformasi yang terpendam dalam wacana UMNO Najib Razak wajar ditafsirkan berdasarkan pendekatan analisis wacana kritis.

Memandangkan modal insan mempunyai pengertian luas, perbincangan dikhususkan kepada aspek pembinaan ‘personaliti unggul’ dalam kalangan bangsa Melayu dan kepimpinan UMNO. Personaliti unggul satu daripada kriteria yang mencirikan modal insan, malah ia sangat penting dalam memperkatakan modal kemanusiaan. Hal ini kerana personaliti, perwatakan, dan keperibadian seseorang insan adalah tunjang penggerak kepada kemajuan pelbagai bidang. Justeru, pembangunan modal insan seharusnya bermula daripada pembinaan personaliti dan keperibadian unggul individu, keluarga dan masyarakat.

Wacana yang digunakan sebagai data kajian ini ialah ucapan yang disampaikan oleh Dato’ Sri Najib Razak selaku pemimpin di Perhimpunan Agung UMNO. Lima siri ucapan (tahun 2004-2008) disampaikan di perasmian serentak Persidangan Perwakilan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO dengan posisi beliau sebagai Timbalan Presiden. Selain itu, satu ucapan sebagai Presiden UMNO ke-7 turut dijadikan data kajian, iaitu ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO pada 15 Oktober 2009 di PWTC.

Untuk memudahkan rujukan dan analisis, keenam-enam ucapan tersebut dinombori berdasarkan tahun ucapan, nombor perenggan dan nombor ayat. Contohnya, label U07.01.02 membawa maksud Ucapan tahun 2007 (U07), Perenggan pertama (01), dan Ayat ke-2 (02). Selanjutnya, proses transformasi dalam wacana dikenal pasti pada tahap perenggan dan ayat.

Amalan wacana, ciri teks, dan proses sosial adalah tiga perkara penting yang ditekankan dalam teori analisis wacana kritis tiga dimensi. Namun begitu, untuk keperluan kertas kerja ini, tidak semua perkara dibincangkan. Hanya amalan wacana UMNO Najib Razak pada tahap penghasilan, iaitu aspek intertekstualiti dibincangkan. Selanjutnya, aspek intertekstualiti dipertalikan dengan proses transformasi ke arah personaliti unggul modal insan.

Kajian ini merupakan satu usaha untuk menerapkan kerangka analisis wacana yang diusahakan oleh Fairclough (1992, 1995). Bagi Fairclough, *language part of society*, oleh itu teori bahasa dan sosial digabungkan untuk menghasilkan teori wacana tiga dimensi yang menggunakan pendekatan *critical discourse analysis* (CDA). CDA menyediakan teori dan metode untuk kajian secara empirikal berkenaan hubungan antara wacana dan aspek sosial dan pembangunan budaya dalam domain sosial yang berbeza (Philips dan Jorgensen 2002: 60).

Teori analisis wacana kritis (CDA) tiga dimensi menganalisis wacana secara holistik. Hal ini bermakna, keseluruhan aspek wacana akan diteliti dan diselidiki, tanpa mengabaikan bahagian-bahagian tertentu wacana. Menerusi teori ini, beliau telah menggabungkan konsep wacana tiga dimensi dengan kaedah analisis wacana. Beliau telah menjelaskan cara-cara sesebuah wacana itu seharusnya diselidiki. Teori ini menegaskan konsep sesebuah wacana adalah, (i) *a language text, spoken or written*, (ii) *discourse practice (text production and text interpretation)*, (iii) *sociocultural practice* (Fairclough 1995: 97). Hal ini bermakna bahawa, sesuatu teks terdiri daripada wacana lisan atau wacana tulisan, mempunyai amalan wacana yang memperkirakan penghasilan dan pentafsiran teks, serta menitikberatkan amalan sosiobudaya yang berlaku dalam masyarakat.

## Pewacana, Wacana dan Konteks

Najib Razak merupakan pemimpin yang berpengalaman luas dalam politik dan pentadbiran kerajaan, malah telah berjaya melengkapkan proses pembinaan seseorang menjadi pemimpin yang terulung. Sebelum berjaya memegang tampuk pemerintahan negara sebagai Perdana Menteri Malaysia keenam, Najib Razak telah terlebih dahulu memegang pelbagai jawatan penting dalam parti dan juga kerajaan. Pada 21 Mei 1988, Najib dilantik sebagai Ketua Pergerakan Pemuda selepas parti itu didaftarkan semula pada Februari 1988. Pelantikan beliau mencatatkan sejarah baru UMNO apabila pelantikan Ketua Pergerakan Pemuda dan Ketua Pergerakan Wanita diputuskan oleh Presiden dan Majlis Tertingginya. Sedangkan pada tahun-tahun sebelumnya, jawatan ketua Pemuda dipilih melalui proses pemilihan (Zin 2008: 125 & 130-131).

Najib Razak telah dipilih dan dilantik sebagai Timbalan Presiden UMNO sejak September 2004 hingga Mac 2009. Sebelum dipilih sebagai Presiden UMNO, Najib Razak merupakan pemimpin yang disebut-sebut bakal memegang tampuk pemerintahan parti dan negara.

Menurut Chamil (2006: 165), pada Perhimpunan Agung UMNO 2004, beliau merupakan calon tunggal untuk jawatan nombor dua dalam parti dan keadaan tersebut membayangkan populariti Najib dalam parti selain berjaya mendapat pencalonan melebihi peratus yang telah ditetapkan. Dalam perhimpunan selanjutnya (2008), untuk bertanding jawatan Presiden, beliau telah mengulangi perkara yang sama apabila disahkan menang tanpa bertanding dengan meraih 185 pencalonan (ditetapkan 58 pencalonan pada peringkat bahagian untuk layak bertanding).

Berdasarkan rekod dan prestasi politik serta meraih jumlah pencalonan yang melebihi syarat dan jangkaan selain tidak mendapat apa-apa tentangan sengit daripada pemimpin-pemimpin tertinggi UMNO yang lain menandakan bahawa Najib Razak dilihat seolah-olah pemimpin yang 'dipersiapkan' oleh parti UMNO untuk menerajui kepimpinan UMNO. Hal ini bukan sahaja menunjukkan popularitinya, malah kewibawaannya diyakini dan diharap-harapkan menerajui kepimpinan UMNO.

## United Malay National Organisation (UMNO)

UMNO yang ditubuhkan pada 11 Mei 1946 merupakan parti politik terbesar orang Melayu yang paling lama memerintah dan mencatat rekod dunia serta diiktiraf di seluruh dunia. Selain itu, UMNO mencipta sejarah sebagai salah sebuah pertubuhan politik tertua di dunia dan paling lama memegang tampuk kuasa pemerintahan negara. Tiada mana-mana parti politik di dunia yang berpeluang memerintah begitu lama seperti UMNO. Setiap kali berlaku peralihan kuasa dan pucuk pimpinan tiada pertumpahan darah berlaku, malah berjalan dengan licin dan teratur. Matlamat utama penubuhan UMNO ialah memerdekan negara, meninggalkan syiar Islam, memartabatkan bangsa dan mendaulatkan negara (Zahalan 2003). Bagi menggambarkan kepentingan UMNO, Tun Mahathir pernah mengatakan bahawa, "UMNO terlalu penting bagi orang Melayu dan Bumiputera lain. UMNO bukan sahaja parti politik yang memberi peluang kepada orang tertentu mendapat jawatan dan tempat yang tinggi dalam negara. UMNO juga bukan semata-mata bertujuan untuk memerintah dan membangunkan negara ini. UMNO adalah lebih daripada semua itu" (Hashim 2000: 131-135).

Selain itu, UMNO telah berjaya menyatukan orang Melayu, dari orang kampung hinggalah ke elit berpendidikan Inggeris dan keluarga diraja, menuju ke arah matlamat bersama (Milne dan Mauzy 1982: 160). UMNO sentiasa mendapat kerusi terbanyak dalam parlimen; jawatan

tertinggi dalam Kabinet dipenuhi oleh anggota parlimen UMNO, ini termasuklah jawatan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri; ia dikenali sebagai parti yang paling berkuasa dan berpengaruh dan para pemimpinnya menentukan haluan parti dan dasar kerajaan; ia menyediakan pola dan syarat untuk penyesuaian pelbagai kaum (Milne dan Mauzy 1982: 276). Kelestarian UMNO sebagai parti politik yang berwibawa dan istimewa dilihat bukan setakat mempunyai peranan penting dalam zaman penubuhannya, namun sehingga kini peranan UMNO menjadi semakin penting, terutama dalam memelihara dan mempertahankan ketuanan Melayu yang sudah mula dipersoalkan secara terang-terangan.

## Perhimpunan Agung UMNO

Konteks wacana yang dikaji ini ialah Perhimpunan Agung UMNO. Acara tahunan tersebut merupakan peristiwa penting untuk UMNO, khususnya orang Melayu dan dianggap kemuncak segala kegiatan dalam tahun berkenaan. Semasa berlangsungnya perhimpunan tersebut, semua pemimpin pelbagai peringkat dan ahli-ahli UMNO akan berhimpun untuk melihat dan mendengar perutusan politik yang disampaikan oleh pemimpin tertinggi UMNO.

Lazimnya Perhimpunan Agung UMNO diadakan pada setiap tahun dan dihadiri oleh pemimpin tertinggi, para perwakilan semua peringkat, iaitu bahagian dan peringkat cawangan di seluruh Malaysia. Ahli-ahli veteran UMNO, wakil-wakil parti komponen Barisan Nasional, tokoh-tokoh korporat, para diplomat dan wakil-wakil parti politik negara asing turut diundang. Bagi mengendalikan persidangan, terdapat seorang Pengerusi Tetap yang dipilih dari kalangan ahli-ahli perwakilan. Persidangan ini berlangsung sepenuhnya di Pusat Dagangan Dunia Putra atau *Putra World Trade Centre* (PWTC) yang merupakan kompleks bangunan milikan parti, dengan yang pertama diadakan pada September 1985 (Wan Mohd. Mahyiddin 2007: 153).

Fasal 8 Perlembagaan UMNO menetapkan “Perhimpunan Agung adalah kuasa tertinggi parti dan perjalanan parti adalah berasaskan kepada kuasa dan perintahnya tertakluk kepada Perlembagaan dan juga Peraturanan UMNO”. Ia juga menetapkan bahawa “Perhimpunan Agung hendaklah diadakan sekali dalam setahun pada bila-bila masa yang ditetapkan oleh MT dengan syarat tidak lewat daripada 18 bulan dari tarikh Perhimpunan Agung yang lalu”. Sebagai kuasa tertinggi UMNO, Perhimpunan Agung mempunyai tugas-tugas seperti menentukan dasar-dasar parti, mengkaji

kerja Majlis Tertinggi, memilih ahli-ahli Majlis Tertinggi, memilih pengerusi tetap dan melantik juruaudit untuk tempoh Majlis Tertinggi (Chamil 2006: 167-168).

## Intertekstualiti

Istilah intertekstualiti atau *intertextuality* diperkenalkan oleh Kristeva pada tahun 1960-an dan idea tentang intertekstualiti diasaskan oleh Bakhtin dengan menggunakan istilah *translinguistic* (Fairclough 1992: 101). Sehubungan itu, mengulas konsep ini, Idris (2006) menjelaskan, intertekstualiti ialah sumber daripada teks-teks lain yang dianyam bagi menghasilkan teks baru. Intertekstualiti adalah kes di mana teks khusus lain secara jelas dimanfaatkan dalam penghasilan wacana atau teks. Dengan kata lain, analisis intertekstualiti menekankan kepelbagaian teks dalam binaan wacana. Dari perspektif penghasilan, intertekstualiti menekankan persejarahan teks, iaitu bagaimana teks membentuk tambahan kepada teks sedia ada. Berdasarkan prinsip intertekstualiti, setiap teks adalah hasil gabungan dan transformasi teks silam, iaitu setiap teks yang dihasilkan tidak bebas daripada unsur, pengaruh, dan masukan teks lain (Idris 2006: 79 & 104). Terdapat lima kaedah intertekstualiti dalam pembinaan sesebuah wacana, iaitu, representasi wacana (*discourse representation*), praandaian (*presupposition*) penafian (*negation*), metawacana (*metadiscourse*), dan ironi (*irony*) (Fairclough 1992: 118).

## Modal Insan

Pembangunan insan ialah proses mendidik manusia dengan tumpuan terhadap aspek fizikal dan spiritual secara bersesuaian dengan fungsi dan peranan setiap komponen secara tepat. Kesesuaian ini mengakibatkan setiap komponen berkembang seperti tujuan asal kejadian setiap komponen. Hal ini seterusnya melahirkan manusia yang mantap dalam segenap aspek yang akhirnya berupaya memberikan sumbangan terhadap agama dan masyarakat (Muhammad Nubli 2007: 16).

Modal insan merupakan individu yang berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan-santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal, dan berdaya saing. Inilah modal insan yang memiliki personaliti unggul.

## Intertekstualiti Metawacana

Transformasi ke arah personaliti unggul modal insan ditemui dalam wacana UMNO Najib Razak menerusi aspek intertekstualiti metawacana. Unsur intertekstualiti metawacana menerusi kaedah pemanfaatan teks-teks lain ditemui secara konsisten dalam wacana Najib Razak kerana unsur ini wujud dalam semua siri wacana. Untuk keperluan kertas kerja ini, hanya peribahasa dan puisi dibincangkan sebagai mekanisme transformasi ke arah personaliti unggul modal insan.

## Metawacana Peribahasa

Najib Razak memanfaatkan metawacana peribahasa (juga merangkumi pepatah dan perumpamaan) untuk memberi nasihat, teguran, dan peringatan terhadap kelemahan dan kepincangan yang berlaku dalam kalangan bangsa Melayu dan juga kepimpinan UMNO. Peribahasa, pepatah dan perumpamaan dikategorikan kepada tiga, iaitu (i) peribahasa ke arah perubahan sikap positif, (ii) peribahasa berkaitan sikap negatif Melayu, dan (iii) peribahasa sebagai motivasi diri.

## Peribahasa Ke Arah Perubahan Sikap Positif

Selain mencerminkan kebijaksanaan pemikiran masyarakat Melayu, peribahasa, pepatah, dan perumpamaan berperanan dalam proses transformasi ke arah personaliti unggul. Peribahasa yang dipraktikkan dalam lingkaran sosial masyarakat Melayu merupakan satu daripada mekanisme yang digunakan untuk mendidik, dan mengawal tingkah laku sosial masyarakat. Berhubung perkara ini, Senu (1973) menjelaskan bahawa, peribahasa merupakan ayat pendek yang biasanya sangat terkenal dan diterima dari zaman dahulu, yang mengandungi nasihat, teguran atau hikmat. Pepatah jenis ini menganjurkan usaha atau tindakan yang positif setelah sesuatu yang negatif dilakukan oleh seseorang atau sesebuah masyarakat.

## Peribahasa Berkaitan Sikap Negatif Melayu

Peribahasa yang memperkatakan sikap negatif Melayu dikategorikan sebagai peribahasa yang disampaikan secara berhemah. Dalam keadaan tertentu, sukar untuk mengkritik seseorang secara langsung, namun apabila keadaan memaksa, peribahasa dilihat satu cara praktikal

menyampaikan teguran dan kritikan tanpa menyinggung perasaan seseorang. Peribahasa dan pepatah merupakan satu cara yang halus untuk menegur kelemahan seseorang demi menjaga keharmonian sesama insan. Dalam hal ini, pemilihan peribahasa dan pepatah yang merujuk sikap negatif bangsa Melayu bertepatan dengan transformasi yang dimahukan oleh Najib Razak. Beliau menyelar sikap negatif yang masih menjadi punca bangsa Melayu tertinggal dalam ekonomi dan kepincangan kepemimpinan yang disifatkan menyumbang kepada kelemahan UMNO. Peribahasa yang menjelaskan tentang sikap negatif bangsa Melayu dimanfaatkan oleh Najib Razak kerana sikap dan nilai negatif tersebut memang wujud dalam kalangan bangsa Melayu dan kepimpinan UMNO. Senu (1973) menjelaskan peribahasa dapat mencerminkan keadaan, kelebihan, kelemahan dan tingkat kemajuan intelektual serta material yang telah dicapai oleh sesebuah masyarakat dan bangsa itu. Bagi beliau, peribahasa merupakan cerminan sikap yang membentuk peribadi sesebuah masyarakat. Selain gambaran peribadi bangsa Melayu, sikap mempunyai pengaruh besar kepada kemajuan atau kemunduran sesuatu bangsa. Sehubungan itu, bangsa Melayu digesa untuk mengubah sikap selari dengan keperluan zaman.

## Peribahasa Sebagai Motivasi Diri

Peribahasa sebagai motivasi diri bertujuan memberi semangat, dorongan, dan keazaman kepada bangsa Melayu dan ahli-ahli UMNO untuk melakukan perubahan. Pepatah bermotivasi yang terdapat dalam wacana UMNO Najib Razak turut menjelaskan harapan beliau agar bangsa Melayu dan kepimpinan UMNO mengubah sikap untuk mencapai kejayaan yang sewajarnya.

## Puisi dan Transformasi Nilai Kepimpinan UMNO

Puisi turut diintertekstualitikan untuk mengkritik kelemahan sistem dan nilai kepimpinan UMNO. Puisi yang merangkumi puisi ikatan bebas, pantun, bahasa berirama dan sajak turut dijadikan mekanisme dalam melaksanakan proses transformasi Najib Razak ke arah personaliti unggul bangsa Melayu dan kepimpinan UMNO. Kebanyakan puisi masih berpusat kepada perihal kepimpinan UMNO, sikap pemimpin dan ahli-ahli UMNO. Selain itu, puisi juga menyampaikan nilai-nilai murni yang perlu ada dan menjadi amalan semua sama ada oleh pemimpin atau ahli-ahli UMNO. Dalam kepimpinan UMNO, banyak sikap dan



amalan negatif berlaku yang akhirnya membawa kepada kelemahan dan perpecahan UMNO. Pertelagahan, amalan politik wang, dan tidak bersatu-padu antara masalah yang wujud dalam kepimpinan UMNO.

## Rumusan

Selaras perkembangan dunia bahasa semasa, analisis wacana kritis meneroka ke suatu tahap kajian yang lebih fleksibel dan tidak hanya melihat kepada sistem, struktur mahupun tatabahasa semata-mata. Persoalan sosial dan budaya dalam wacana telah dapat ditafsirkan sewajarnya melalui analisis wacana kritis. Transformasi berterusan ke arah pembinaan personaliti unggul ditekankan oleh Najib Razak agar modal insan sentiasa diperhebat di bawah kepimpinan beliau. Hal ini kerana keunggulan dan kejayaan dalam apa-apa bidang sekalipun bermula dalam diri seseorang individu, keluarga, dan masyarakat.

## Rujukan

- Fairclough, N. 1995. *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. London: Longman.
- <http://www.pmo.gov.my/modalinsan/index.html>. [2 Disember 2011].
- Idris Aman. 2006. *Bahasa dan Kepimpinan: Analisis Wacana Mahathir Mohamad*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Aman. 2010. *Analisis Wacana*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Philips, L. dan Jorgensen, M. 2002. *Discourse Analysis as Theory and Method*. London: SAGE Publications.
- Senu Abdul Rahman *et al.* (ed.). 1973. *Revolusi Mental*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.
- Zahalan Man. 2003. *Daulat UMNO*. Kuala Lumpur: Kip Tech.
- Zin Mahmud *et al.* 2008. *Kepimpinan dan Perjuangan Pemuda UMNO*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

